



KENYATAAN MEDIA

OPERASI SITAAN TIGA PREMIS PERNIAGAAN WARGA ASING DI WANGSA PERMAI

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah menyerbu dan menyita tiga premis perniagaan yang dikendalikan oleh warga asing di Wangsa Permai pada jam 8 malam semalam. Berdasarkan hasil risikan yang telah dijalankan, tiga premis ini disyaki telah beroperasi tanpa kelulusan dan dikendalikan oleh warga asing menggunakan lesen milik warga tempatan.

Pemeriksaan yang dilakukan oleh pihak MPS mendapati premis terbabit dikendali oleh warga Bangladesh, Thailand dan Myanmar yang merupakan pemegang kad Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR).

Premis-premis ini menyasarkan pelanggan dalam kalangan warga mereka sendiri dengan hanya menjual makanan dan barangan runcit dari negara asal mereka. Selain itu, premis-premis tersebut telah turut diubahsuai dan dijadikan pusat hiburan karaoke khas serta tempat aktiviti perniagaan kedai makan tanpa kelulusan.

Dalam operasi ini, MPS telah merampas pelbagai barangan termasuk minuman keras, peralatan karaoke dan audio visual, kamera litar tertutup (CCTV) serta produk makanan bukan berasal dari Malaysia. Atas pelbagai kesalahan, MPS telah mengeluarkan tujuh kompaun dibawah Undang-Undang Kecil (UUK) 3(1), UUK Pelesenan Establisymen Makanan MPS 2007, UUK 3(1), UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPS 2007, UUK 3(1), UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPS 2007 serta SEK 6(1), Enakmen Hiburan dan Tempat- Tempat Hiburan 1995.

Operasi ini menghadapi sedikit kesukaran disebabkan oleh lokasi premis yang terletak di tingkat atas bangunan dan dikawal oleh pemilik premis dengan pagar berkunci dan dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV). Ini juga merupakan salah satu punca mengapa pihak MPS sukar untuk mengenalpasti aktiviti yang berlaku dikawasan tersebut.

Oleh itu MPS menyeru kerjasama penduduk sekitar kawasan Selayang yang mempunyai maklumat berkaitan premis yang beroperasi tanpa kelulusan, terutamanya yang dikendalikan oleh warga asing untuk menyalurkan maklumat tersebut kepada pihak MPS bagi tindakan selanjutnya.

Operasi yang tamat pada jam 1030 malam ini telah diketuai oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS dan dibantu oleh seramai 26 orang anggota dan pegawai MPS.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh :

Bahagian Perhubungan Awam
Jabatan Korporat

b.p. **Yang Dipertua**
Majlis Perbandaran Selayang

Tarikh dikeluarkan : 15 Ogos 2024